

# AL-HIKMAH

---

<b>Jilid</b>	<b>10</b>	<b>ISSN 1985-6822</b>	<b>2018</b>
<b>No.</b>	<b>1</b>		<b>1439</b>

---

- NILAI AGAMA ISLAM DALAM KESEDARAN BERAGAMA KALANGAN MASYARAKAT BAJAU DARAT KAMPUNG PENIMBAWAN TUARAN, SABAH .....3-15  
*Qurratu Ain Rapihi, Zaizul Ab. Rahman*
- PENGARUH VLOG DAKWAH TERHADAP KOGNITIF DAN AFEKTIF REMAJA DI PUTRAJAYA ...16-33  
*Muhamad Faisal Ashaari, Noor Hafizah Jujaji*
- TRAIT PERSONALITI PENDAKWAH MUSLIM: SATU SOROTAN LITERATUR ...34-54  
*Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz, Zainab Ismail*
- KONSEP HISBAH DAN KEPENTINGANNYA DALAM PENGURUSAN HAL EHWAL ISLAM ...55-78  
*Abdul Qahhar Ibrahim, Abdul Ghafar Don, Muhamad Faisal Asha'ari*
- HUBUNGAN INSENTIF KEIMANAN DAN AMALAN PENGAJARAN: KAJIAN TERHADAP GURU TAHFIZ SWASTA DI NEGERI PERAK ...79-94  
*Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Wahyu Hidayat Abdullah, Muhammad Akramin Kamarul Zaman*
- KELANGSUNGAN SYARIAT ISLAM MENERUSI PERUNDANGAN MALAYSIA ...95-118  
*Mohd Mustaffa Jusoh @ Yusoff, Mohd Musa Sarip, Wan Abdul Fattah Wan Ismai*
- DAKWAH MELALUI MEDIA BARU DI MALAYSIA: PELUANG ATAU CABARAN? ....119-128  
*Aini Maznina A. Manaf*
- MODEL PENGUKURAN APLIKASI MUDAH ALIH PANDUAN SOLAT ANDROID (MAPS) ...129-147  
*Siti Zuraida Abdul Manaf, Norazah Nordin, Helmi Norman, Ahmad Syukri Mohamad Zaid, Analisa Hamdan*
- PERLAKSANAAN KAEDAH PEMBELAJARAN BERASASKAN PROJEK DALAM PROSES PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KAEDAH Fiqh ... 148-162  
*Mohd Aderi Che Noh, Normurni Mohamad, Adibah Hasanah Abd Halim, Absha Atiah Abu Bakar, Hasnan Kassan*
- MENDEPANI MASYARAKAT MAJMUK DI MALAYSIA MELALUI ILMU PERBANDINGAN AGAMA: TINJAUAN AWAL ...163-175  
*Aemy Elyani Mat Zain, Norsaadah Din @ Mohamad Nasirudin, Nazneen Ismail, Maryam Habibah Kamis*
- CHRISTIAN NEO-ORTHODOXY APPROACH TO RECONSTRUCTION OF RELIGIOUS THOUGHT ON SELECTED THEOLOGICAL ISSUES: AN ISLAMIC ANALYSIS ...176-187  
*Adibah Abdul Rahim*
- ISLAMOPHOBIA IN THE WEST MEASURING AND EXPLAINING INDIVIDUAL ATTITUDES by MARC HELBLING ... 188-189  
*Badlihasham Mohd Nasir, Abdul Ghafar Don*

*Al-Hikmah 10(1) 2018: 34-54*

## Trait Personaliti Pendakwah Muslim: Satu Sorotan Literatur

Trait Muslim Preacher Personality: A Literature Highlight

IZZATY ULYA MUNIRAH ABD AZIZ  
ZAINAB ISMAIL

### ABSTRAK

Pendakwah merupakan antara asas utama dakwah selain sasaran, kaedah dan isi kandungan dakwah. Namun, sikap dan tingkah laku pendakwah yang tidak mencerminkan peribadi seorang pendakwah Muslim yang baik akan menjadi penghalang kepada kelancaran gerak kerja dakwah. Oleh itu, kajian ini membincangkan trait personaliti yang harus ada pada setiap pendakwah untuk berjaya dalam lapangan dakwah. Kaedah penyelidikan kualitatif melalui reka bentuk kajian analisis kandungan digunakan. Data yang dikumpul daripada bahan seperti buku, artikel dalam jurnal, prosiding, tesis dan disertasi dianalisis secara deskriptif. Hasil kajian mendapati akhlak yang baik, tahap pengetahuan yang tinggi, penampilan yang menarik, kepimpinan yang mantap dan kemahiran yang pelbagai adalah trait personaliti pendakwah yang berjaya. Setiap pendakwah khususnya dan organisasi dakwah umumnya harus mengambil berat tentang trait personaliti pendakwah dan mengambil tindakan yang sesuai supaya kualiti para pendakwah di Malaysia dapat ditingkatkan.

**Kata Kunci:** *trait personaliti, personaliti pendakwah, pendakwah*

### PENGENALAN

Setiap manusia yang bergelar Muslim adalah pendakwah. Bermulanya penciptaan Nabi Adam a.s., Allah telah mengutuskan para rasul untuk menyeru kaum masing-masing kepada kalimah tauhid, iaitu menyembah Allah yang esa. Dakwah telah diteruskan sehinggalah Nabi Muhammad SAW diutuskan sebagai nabi akhir zaman dan tiada lagi nabi selepas baginda. Kemudian, umat Nabi Muhammad diangkat sebagai sebaik-baik umat malah terpilih untuk menyambung perjuangan para nabi dan rasul dalam berdakwah (Zaidan 2001). Firman Allah SWT dalam surah Ali cImran ayat 104 dan 110 menunjukkan bahawa umat akhir zaman ini

bertanggungjawab mengajak manusia ke arah kebaikan dan mencegah daripada berbuat kemungkar. Setiap Muslim tidak kira lelaki atau wanita wajib melaksanakan perintah Allah ini mengikut kemampuan mereka masing-masing. Menurut al-Bayanuni (2010), dakwah Islam terbahagi kepada dua bidang utama, iaitu dakwah terhadap orang bukan Islam untuk memperkenalkan Islam, dan dakwah kepada orang Islam sendiri terhadap agama Islam mengikut tahap kefahaman mereka.

Memegang amanah sebagai pendakwah memerlukan setiap Muslim menjaga setiap tingkah lakunya agar selari dengan ajaran Islam yang ingin diseru. Walaupun manusia tidak lari daripada berbuat silap, hadis Nabi SAW mengajar manusia untuk sentiasa bertaubat. Rasulullah SAW bersabda: “Setiap anak Adam berbuat salah dan sebaik-baik mereka yang bersalah adalah yang bertaubat” (Ibnu Majah, Sunan Ibn Majah, Kitab al-Zuhd, Bab Kullu Bani Adam Khatta’ wa Kullu Khatta’in al-Tawwabun). Pendakwah seharusnya lebih menjaga adab dan tingkah laku mereka kerana para madcu pasti ingin melihat contoh terbaik di hadapan mereka untuk mengamalkan isi kandungan dakwah yang telah disampaikan.

#### PERNYATAAN MASALAH

Kajian mengenai masalah dan cabaran dakwah tidak lepas daripada membincangkan kualiti pendakwah itu sendiri dalam menjalankan dakwah. Pendakwah yang tidak mempunyai personaliti yang baik menjadi penghalang utama kepada gerak kerja dakwah. Terdapat dalam kalangan pendakwah yang telah menggunakan cara paksaan untuk mengajak madcunya memeluk agama Islam seperti yang berlaku di Pahang, apabila masyarakat orang asli telah dipaksa mengucap dua kalimah syahadah seperti dalam kajian Abdullah Muhammad Zin (Syed Abdurahman 2010). Selain itu, kurangnya persediaan dalam memahami tugas dakwah dan keadaan madcu juga memberikan kesan buruk kepada dakwah yang disampaikan kerana kaedah yang digunakan tidak bersesuaian dengan madcu. Antara punca kegagalan dakwah juga adalah pengurusan sahsiah keperibadian (bad personality management) yang kurang baik sehingga madcu tidak menerima mesej dakwah yang disampaikan dengan terbuka. Organisasi-organisasi dakwah di Malaysia juga menghadapi masalah apabila tenaga pendakwah yang berkemahiran dan terlatih semakin berkurangan sehingga merencatkan perjalanan gerak kerja dakwah di negara ini (Mohamad Nazli Omar 2003; Ahmad Redzuwan 2006; Suzanah Nilam 2012).

Bagi memastikan keberkesanan penyampaian dakwah, setiap pendakwah harus didedahkan dengan personaliti pendakwah sebenar yang harus ada dalam diri mereka untuk menghadapi para madcu. Seorang pendakwah semestinya mempunyai personaliti dan peribadi unggul yang mampu meyakinkan mereka yang mendengar dakwahnya untuk menerima dan melaksanakan mesej dakwah yang disampaikan. Menurut Abu cAla' al-Maududi, kejayaan sesebuah organisasi dakwah tertumpu kepada aspek kemanusiaan yang perlu ada bagi seorang pendakwah. Ia merujuk kepada kualiti peribadi yang dimiliki oleh seseorang pendakwah (Mohamad Nazli Omar 2013). Pendakwah yang tidak mempunyai kualiti peribadi dan kemahiran yang mantap sebelum terjun ke medan dakwah akan gagal dalam menjalankan tanggungjawabnya dengan baik. Oleh itu, personaliti pendakwah harus dibina dalam diri mereka yang ingin melaksanakan dakwah dengan berkesan.

Topik mengenai personaliti dibincangkan dalam disiplin ilmu psikologi. Personaliti boleh diterjemahkan secara mudah dengan perkataan peribadi, sahsiah atau akhlak. Dalam menjalani kehidupan seharian, manusia tidak dapat lari daripada mengaitkannya dengan personaliti kerana kehidupan sentiasa berkisar tentang tingkah laku, pemikiran dan tindakan manusia dalam menjalankan sesuatu aktiviti. Masalah akan timbul apabila berlaku kecelaruan dan gangguan terhadap personaliti individu tersebut (Mohd. Dahlan & Nurul Hudani 2015). Gangguan terhadap personaliti boleh dikesan daripada tingkah laku atau akhlak yang buruk seperti marah, dendam, dengki, bangga diri dan cintakan dunia (Fariza et al. 2015).

Persoalannya, apakah trait personaliti yang seharusnya ada pada seorang pendakwah Muslim yang berjaya? Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk meneliti kajian-kajian yang telah dijalankan oleh para sarjana sebelum ini.

## METODOLOGI KAJIAN

Menurut Sulaiman Masri (2005: 25), reka bentuk penyelidikan harus sesuai untuk menjawab soalan-soalan yang ditimbulkan oleh permasalahan kajian yang telah dikenal pasti. Oleh itu, reka bentuk kajian ini ialah kajian analisis kandungan. Data kajian ini adalah data kualitatif yang diperoleh daripada analisis dokumen. Analisis dokumen digunakan bagi mengumpul data daripada bahan bacaan seperti buku, artikel dalam jurnal dan prosiding, serta tesis dan disertasi. Analisis dokumen digunakan bagi mengetahui isi dan

makna yang terkandung di dalam dokumen tersebut (Kamarul Azmi Jasmi 2012). Data tersebut dianalisis menggunakan pendekatan analisis deskriptif.

## KONSEP TRAIT PERSONALITI

Personaliti secara umumnya memperihalkan seseorang individu, manakala secara khususnya personaliti bermaksud sifat-sifat fizikal, emosi dan kognitif seseorang individu yang membolehkannya dibezakan dengan orang lain (Mahmood Nazar Mohamed 2001). Dalam kajian personaliti, beberapa teori personaliti utama telah dikemukakan oleh pakar psikologi antaranya teori trait oleh Gordon Allport dan Raymond Cattell, teori psikoanalisis oleh Sigmund Freud, teori behavioristik oleh B.F. Skinner, dan teori humanistik oleh Carl Rogers dan Abraham H. Maslow (Ahmad Amri 2009; Mahmood Nazar Mohamed 2001). Teori trait dalam personaliti adalah berbeza mengikut sarjana yang membincangkannya. Ahli psikologi pertama yang mula dikaitkan dengan istilah trait adalah Gordon W. Allport. Menurut Allport, manusia mempunyai trait dan sifat-sifat tertentu sebagai batu pengasas kepada personalitinya (Mahmood Nazar Mohamed 2001). Trait, menurut Allport bermaksud sifat semula jadi yang mengarah tingkah laku individu dengan kadar yang konsisten dan melalui penonjolan sifat-sifat yang tertentu. Allport membahagikan trait kepada tiga jenis iaitu trait kardinal, trait pusat dan trait sekunder. Trait kardinal adalah suatu disposisi yang sangat berpengaruh dalam hidup seseorang sehingga hampir semua tingkah lakunya terkesan daripada pengaruh tersebut walaupun dalam situasi yang berbeza. Trait pusat pula berpengaruh terhadap beberapa situasi yang terhad. Manakala trait sekunder adalah sifat yang mengawal tindakan seseorang dan terkesan pada situasi tertentu sahaja serta merupakan trait yang paling kurang ketara (Mahmood Nazar Mohamed 2001; Mohd Dahlan & Nurul Hudani 2015).

Raymond Cattell pula mentakrifkan trait sebagai suatu unsur tingkah laku yang sedia ada. Menurutnya, gabungan trait-trait personaliti khusus yang mampu menghasilkan tingkah laku yang konsisten disebut sebagai personaliti seseorang individu (Mohd Dahlan & Nurul Hudani 2015). Melalui trait-trait ini, manusia boleh meramal apa yang akan dilakukan oleh seseorang dalam situasi tertentu (Mahmood Nazar Mohamed 2001). Cattell juga telah mencipta satu inventori untuk mengkaji personaliti yang masih digunakan sehingga kini iaitu 16PF (*16 personality factor*). Cattell juga membahagikan trait kepada trait permukaan dan trait sumber. Cattell turut membincangkan faktor genetik dan persekitaran serta faktor

motivasi, peranan dan keadaan dalam membentuk personaliti seseorang berdasarkan konsep *erg*, sentimen dan sikap (Mahmood Nazar Mohamed 2001; Mohd Dahlan & Nurul Hudani 2015).

Trait menurut Hans Jurgen Eysenck pula adalah hasil perkara-perkara konstan atau yang tidak berubah dalam tingkah laku. Tingkah laku manusia menurut Eysenck melalui empat tahap berbeza. Tahap pertama bermula dengan gerak balas khusus, kemudian gerak balas tabiat, seterusnya trait, dan tahap yang paling umum adalah jenis, iaitu interaksi daripada beberapa trait berlainan. Setiap tahap menggambarkan tingkah laku seseorang yang berbeza pada keadaan tertentu (Mohd Dahlan & Nurul Hudani 2015). Tiga dimensi model personaliti yang dibina oleh Eysenck terdiri daripada *neuroticism* (N), *extraversion* (E) dan *psychoticism* (P) dan ia dikenali sebagai PEN (Siti Sarawati 2013). Trait-trait yang berbeza telah dikelaskan dalam tiga dimensi tersebut (Matthews et al. 2009).

Model Lima Faktor atau '*Five-Factor Model*' pula telah disusun oleh McCrae dan Costa bagi meneroka personaliti seseorang secara terperinci. Inventori yang dikenali sebagai *Big-five* itu terdiri daripada lima domain utama iaitu kesedaran atau kehematan (*conscientiousness*), keterbukaan (*openness to experiences*), sifat sosial (*extraversion*), mencapai persetujuan (*agreeableness*) dan kestabilan emosi (*neuroticism*) (Matthews et al. 2009; Mohd Dahlan & Nurul Hudani 2015). *Conscientiousness* merupakan trait yang berkaitan dengan disiplin diri, kerajinan dan kecemerlangan. *Openness* pula merujuk kepada kesediaan seseorang menerima perbezaan dari segi estetik, idea dan kepercayaan. *Extraversion* menggambarkan ciri interpersonal individu dengan individu yang lain dan boleh menjadi pengukur kepada kecenderungan seseorang untuk bergaul dengan orang lain. Mereka yang berada pada tahap *agreeableness* yang tinggi menunjukkan individu tersebut adalah seorang yang pemaaf, pengasih dan mudah diajak berbincang. *Neuroticism* pula berkaitan dengan kestabilan dan ketidakstabilan emosi terhadap beberapa rangsangan yang berbeza (Khairul Anwar Mastor 2006).

Manakala, Islam membincangkan trait personaliti atas asas definisi personaliti sebagai akhlak dan sahsiah yang terbentuk daripada keimanan seseorang. Ibnu Miskawaiyh dalam kitabnya, *Tahdhib al-Akhlak* menyatakan, akhlak adalah suatu hal kejiwaan yang mendorong seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan senang tanpa berfikir dan perencanaan yang rapi. Hal kejiwaan ini terbahagi kepada dua, iaitu hal yang berlaku secara semula jadi atau fitrah seperti marah, sedih dan ketawa, serta hal yang terbentuk daripada kebiasaan dan latihan, yang mana bermula dengan pemikiran dan perencanaan dan kemudian telah dibiasakan sehingga

menjadi kebiasaan dan sifat peribadi (Mohd. Nasir Omar 2016: 108; Khitatabah 2013: 13). Al-Ghazali (1999) menyokong takrif yang diberikan oleh Ibnu Miskawaih dan menambah dengan merujuk akhlak kepada suatu disposisi yang mantap dalam jiwa manusia dan darinya segala perbuatan terhasil dengan mudah tanpa melibatkan pemikiran dan deliberasi. Menurut al-Ghazali, sesuatu yang dinyatakan baik pada akal dan syarak, ia dinamakan akhlak terpuji. Begitu juga sesuatu yang buruk pada akal dan syarak dinamakan akhlak terkeji. Menurut Fariza et al. (2015: 29), al-Ghazali melihat personaliti sebagai keseluruhan diri manusia yang mempunyai dua komponen iaitu jasad (luaran) dan ruh (dalaman). Aspek dalaman dalam diri manusia merangkumi empat gagasan utama iaitu hati (*al-qalb*), jiwa (*al-nafs*), ruh (*al-ruh*) dan akal (*al-<sup>c</sup>aql*). Keempat-empat gagasan tersebut sangat memberi kesan terhadap aspek luaran individu iaitu tingkah laku dan cara seseorang memberi reaksi terhadap alam sekelilingnya.

Akhlak terbahagi kepada dua, akhlak terpuji atau baik dan akhlak terkeji atau buruk (Shahabuddin & Rohizani 2002; Fariza et al. 2015). Allah SWT berfirman dalam surah al-Shams ayat 7 dan 8 yang bermaksud: “Dan jiwa serta penyempurnaannya (ciptaannya). Maka Allah mengilhamkan kepada jiwa itu (jalan) kefasikan dan ketakwaannya.” Ibnu Kathir (2010) mentafsirkan ayat tersebut bahawa Allah telah menciptakan jiwa setiap manusia dalam keadaan sempurna dan fitrah yang suci. Kemudiannya diterangkan untuk manusia perkara yang baik dan perkara yang jahat agar mereka mengetahui kerana manusia diberi kebebasan untuk melakukan apa sahaja. Namun, Islam menyediakan al-Qur’an dan sunnah Nabi SAW untuk dijadikan panduan jika mahu sentiasa di atas landasan yang benar.

Antara akhlak terpuji yang dicatatkan dalam al-Quran adalah ikhlas, ihsan, menghormati orang lain, tawaduk dan berkasih sayang. Manakala antara akhlak tercela yang dinyatakan dalam al-Quran ialah berprasangka buruk, bermusuhan, kedekut dan sombong. Akhlak tercela yang boleh dikategorikan sebagai personaliti abnormal adalah berpunca daripada hati yang tidak dapat mengawal nafsu apabila dihasut oleh syaitan (Fariza et al. 2015). Nabi SAW pernah bersabda yang bermaksud:

“Ketahuilah, sesungguhnya dalam tubuh manusia ada segumpal daging, jika segumpal daging itu baik, maka akan baik seluruh tubuh manusia, dan jika segumpal daging itu buruk, maka akan buruk seluruh tubuh manusia, ketahuilah bahawa segumpal daging itu adalah hati manusia.” (*al-Bukhārī, Sahih al-Bukhārī, kitāb al-īmān, bāb fadl man istabra’a lid-īmihī*)

Secara keseluruhannya, trait personaliti boleh disimpulkan sebagai ciri-ciri atau keadaan tertentu dalam jiwa seseorang individu yang konsisten sehingga membentuk akhlak, peribadi dan tingkah laku secara mudah tanpa memerlukan waktu berfikir yang lama dan perancangan yang rapi, sama ada diperoleh secara semula jadi dalam diri atau melalui pembiasaan dan latihan yang berterusan.

### TRAIT PERSONALITI PENDAKWAH

Trait personaliti pendakwah adalah trait personaliti iaitu ciri-ciri tertentu yang harus ada dalam diri mereka yang bergelar pendakwah. Antara kajian yang membincangkan persoalan trait personaliti pendakwah adalah kajian Mizan Adiliah et al. (2004). Kajian yang bertajuk Pembentukan Pengukuran Personaliti Pendakwah telah dijalankan bagi mengenalpasti ciri-ciri yang menjadi konsep utama untuk dijadikan alat mengukur personaliti pendakwah. Kajian yang dikumpul daripada kajian perpustakaan, media massa dan elektronik serta pendapat-pendapat pakar itu menjadikan akhlak, pengetahuan dan tahap akademik, kemahiran, kepimpinan dan sifat fizikal pendakwah sebagai konsep utama dalam menilai personaliti pendakwah dalam mana-mana organisasi terutamanya institusi keagamaan. Setiap konsep mempunyai beberapa konstruk tersendiri yang mampu mengukur personaliti pendakwah.

Kajian lain yang berkaitan personaliti pendakwah adalah kajian berkenaan personaliti sebagai seorang guru atau pendidik. Kajian-kajian tersebut mendatangkan ciri-ciri dan sifat yang seharusnya dimiliki oleh guru, pendidik dan sekaligus sebagai seorang pendakwah seperti mana yang disebutkan oleh Muhamad Faiz et al. (2012). “Tugas guru perlu dikaitkan dengan tugas sebagai pendakwah atau dalam erti kata lain seorang guru pendidikan Islam juga harus memainkan peranan sebagai seorang pendakwah atau *da'i*.” Ahmad Tarmizi dan Ab. Halim Tamuri (2013) juga berpandangan yang sama iaitu guru berperanan sebagai pendidik dan pendakwah dengan cara menyeru atau mendorong generasi muda khususnya murid-murid dan juga masyarakat setempat untuk melaksanakan ibadat atau perkara yang dituntut dalam Islam.



### **Berakhlak Sebagai Pendakwah dan Muslim Yang Baik**

Antara komponen asas yang harus ditekankan dalam menyediakan guru Pendidikan Islam yang berjaya dan juga berperanan sebagai pendakwah adalah personaliti dan keperibadian guru (Sarimah Mokhtar 2010; Ab Halim Tamuri et al. 2012). Sememangnya tunjang dan asas utama dalam setiap insan tidak kira penuntut ilmu, pendakwah ataupun orang awam adalah kekuatan dan keluhuran peribadi (Mahfuz Suhaimi et al. 2014). Seorang ulama besar dari Arab Saudi, Syeikh al-<sup>c</sup>Awdah pernah menyebut: “Dakwah mestilah pantulan daripada diri pendakwah sendiri. Sebab itulah menunjukkan moral dan integriti adalah suatu yang wajib dan penting...” (Egdunas Raciun 2004). Zaizul Ab. Rahman et al. (t.th.) turut bersetuju bahawa dengan kembali kepada fitrah, jati diri pendakwah mampu dibina. Dengan itu, seorang pendakwah yang mempunyai fitrah yang suci dan peribadi yang berlandaskan fitrah dapat menyampaikan dakwah dengan berkesan kerana jika sebaliknya yang berlaku, “jiwa yang kotor sukarlah menganjurkan kesucian” (Hamka 2012). Oleh itu, pendakwah mesti menjaga hubungannya dengan Allah dan mengawal hawa nafsunya daripada melakukan perkara yang dilarang agama, kerana hanya dengan cara itu, mad<sup>c</sup>u akan menerima dakwah yang disampaikan secara terus daripada tingkah laku pendakwah (Zulkifli 2014). Keimanan dan keikhlasan merupakan perkara utama yang harus sentiasa ditekankan dalam diri sebagai seorang pendakwah (Ghalwush 1978; Zaidan 2001; al-<sup>c</sup>Ammar 2003; Khitatabah 2013).

Personaliti seorang pendidik yang baik boleh diukur dengan mendapatkan respon daripada para pelajar sendiri seperti dalam kajian Asmawati Suhid (2014). Hasil kajiannya mendapati para pelajar lebih bersedia menerima ajaran daripada pensyarah yang tidak pilih kasih antara para pelajarnya. Tulisan Ahmad Tarmizi dan Ab. Halim Tamuri (2013) menghuraikan kedudukan guru sebagai pendidik dan pendakwah serta peranan mereka dalam membentuk para pelajar. Istilah "*mu<sup>c</sup>allim*", "*mudarris*", "*muaddib*", "*mursyid*" dan "*murabbi*" diberikan kepada guru dengan kata lain, guru bukan sahaja menjadi penyampai ilmu, malah guru yang cemerlang memiliki sifat kasih sayang, adil dan memiliki ilmu yang mendalam serta mengambil berat terhadap anak muridnya walaupun di luar sekolah. Begitu juga sebagai seorang pendakwah, perasaan pilih kasih dengan hanya memilih sasaran dakwah tertentu dan tidak kepada golongan yang lain adalah tidak seharusnya berlaku.

Selain itu, pendakwah perlu jujur dalam niat, kata-kata dan perbuatannya (Ghalwush 1978; Zaidan 2001; al-<sup>c</sup>Ammar 2003; Khitatabah

2013). Kejujuran akan mampu menjadikannya dihormati dan diterima dalam masyarakat, terutamanya kepada sasaran dakwah (Zaidan 2001). Sifat sabar juga harus ada dalam diri setiap pendakwah untuk menghadapi cabaran yang mendatang. Allah menguji kesabaran para pendakwah untuk membuktikan keikhlasannya terhadap Allah dan menyucikan jiwanya daripada perkara syubhah (Zulkifli 2014: 14) sepertimana ujian berat yang ditimpakan ke atas para nabi dan rasul. Pendakwah juga harus menunjukkan kasih sayang, sifat lembut, mudah memaafkan serta merendah diri dalam setiap perlakuannya (Ghalwush 1978; Zaidan 2001; al-<sup>c</sup>Ammar 2003; Khitatabah 2013). Takabbur atau bangga diri harus dijauhi oleh pendakwah. Sifat tawaduk yang dizahirkan dengan cara sentiasa berkata baik, senyuman di wajah, berlemah lembut, tidak terasa dengan cacian mereka, serta menenangkan mereka ketika mereka ketakutan, akan menarik sasaran dakwah untuk mendekati pendakwah, sebaliknya bangga diri akan menjadi dinding atau penghalang yang memisahkan pendakwah dengan masyarakat (al-<sup>c</sup>Ammar 2003: 60).

Konsep akhlak dalam kajian Mizan Adiliah et al. (2004) mengandungi konstruk yakin, sabar, jujur, penyayang, tawadduk, membimbing dan saling membantu. Walker (2008) juga telah menyenaraikan dua belas karakter guru yang efektif dan mendapat tempat di hati para pelajar institut perguruan berdasarkan pengalaman pengkaji berkomunikasi dengan mereka. Hasil kajian mendapati karakter tersebut adalah sentiasa bersedia dengan bahan mengajar, positif, mempunyai pandangan yang tinggi, kreatif, adil, mudah didekati, menunjukkan rasa beri perhatian, kasih sayang, berjenaka, menghormati pelajar, memaafkan dan mengakui kesilapan.

Oleh itu, setiap pendakwah seharusnya berusaha untuk mengamalkan segala sifat terpuji yang diajarkan oleh Nabi Muhammad SAW dan sebaliknya berusaha untuk menjauhi segala sifat yang dicela oleh Allah SWT dan Nabi SAW melalui al-Quran dan hadis baginda, tidak kira semasa bersendirian atau ketika berhadapan dengan *mad'u*.

### **Berilmu Pengetahuan Yang Tinggi**

Pendakwah yang berjaya semestinya mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi untuk menyampaikan isi kandungan dakwahnya. al-Qaradawi (2009) telah membincangkan ilmu-ilmu yang perlu dimiliki untuk menjadi penerang jalan manusia kepada Allah dan rasulNya. Tanpa ilmu, pendakwah hanya akan berkata-kata mengikut hawa nafsunya tanpa rujukan yang tepat sehingga boleh membawa kepada kesesatan. Antaranya, al-Qur'an dan ilmu-

ilmu yang berkaitan dengannya seperti *‘ulum al-Qur’an* dan tafsir. Dengan adanya al-Qur’an dalam dada para pendakwah, pendakwah mampu mendatangkan bukti dan contoh yang mantap di atas setiap kata-kata yang disampaikan. Pendakwah boleh mendatangkan kisah, contoh-contoh dan dalil yang kukuh daripada al-Qur’an ketika menyampaikan sesuatu topik.

Menurut al-Qaradawi (2009) lagi, pendakwah juga perlu mendalami ilmu yang menerangkan dan mengupas isi al-Qur’an iaitu sunnah Nabi SAW. Sunnah Nabi memberikan gambaran tentang kehidupan Nabi SAW dan seterusnya memberi pengajaran mengenai sirah baginda dan para sahabat. Pendakwah perlu mempunyai ilmu hadis supaya pendakwah tidak menggunakan maksud hadis yang telah diseleweng oleh mereka yang mahu menjauhkan umat Islam daripada jalan yang benar. Pendakwah juga perlu bersedia menghadapi kumpulan orientalis yang cuba meragukan umat Islam dengan hadis Nabi. Hadis palsu dan lemah harus dielakkan kecuali jika dimaklumkan dengan jelas mengenai kelemahan atau kepalsuannya. Selain itu, pendakwah perlu bijak membawakan hadis yang mampu diterima oleh masyarakat yang menjadi sasaran dakwahnya. Hadis yang mendatangkan salah faham pada pemikiran mereka harus di jauhi seperti hadis sifat Allah dan hadis matahari bersujud di bawah Arasy pada setiap hari. Berkata kepada sasaran dakwah berdasarkan tahap pemikiran mereka adalah termasuk dalam kemahiran komunikasi yang harus ada pada setiap pendakwah (Zulkefli Aini & S. Salahudin 2014).

Ilmu fekah juga termasuk dalam ilmu pengetahuan yang perlu dimiliki oleh pendakwah. Ilmu yang membincangkan hukum-hukum syariah dalam bidang ibadah, muamalah dan adab tersebut memungkinkan pendakwah menjawab soalan mengenai halal dan haram sesuatu perkara, memperbetulkan kesalahan hukum yang dikatakan oleh sasaran dakwah serta menggandingkan seruannya dengan hukum-hukum asas dalam sesuatu perkara. Dalam masa yang sama, pendakwah tidak boleh lari daripada bersandarkan kepada al-Qur’an dan sunnah dalam setiap hukum kepada perkara yang dinyatakan. Selain itu, ilmu-ilmu lain yang harus dikuasai menurut al-Qaradawi (2009) ialah ilmu tasawuf atau akhlak, ilmu yang ditulis oleh ahli falsafah Islam dalam bidang akidah, ibadah, akhlak dan ilmu kemasyarakatan seperti Imam al-Ghazali, Syed Qutb dan Abu al-Hasan al-Nadawi, ilmu sejarah sama ada sejarah Islam, tamadun manusia, sejarah agama lain dan sebagainya, serta ilmu bahasa yang menjadi alat utama dalam berkomunikasi dengan sasaran dakwah.

Pendakwah juga perlu mempunyai pengetahuan dalam ilmu kemanusiaan seperti psikologi, sosiologi, ekonomi dan falsafah kerana ia membantu dalam memahami sasaran dakwah dengan lebih dekat. Menurut

Ahmad Tarmizi dan Ab. Halim Tamuri (2013: 377), para pelajar harus didedahkan dengan perkembangan Islam dan isu-isu semasa berkaitan Islam sama ada yang bersifat tempatan atau global oleh guru atau pendidik yang juga seorang pendakwah. Dengan itu, mereka dapat mengambil pelajaran dan motivasi untuk memperjuangkan serta mempertahankan kedaulatan agama Islam. Oleh itu, guru, pendidik dan pendakwah seharusnya melengkapinya dengan pengetahuan dengan perkara-perkara tersebut. Wan Ibrahim dan Zainab Ismail (2009) juga bersetuju bahawa pendakwah perlu memiliki ilmu berkaitan teori pembentukan perilaku manusia, teori modifikasi tingkahlaku, teori untuk mempengaruhi orang lain dan pelbagai teori sosial yang lain yang dengannya pendakwah boleh mengenal pasti punca dan sebab sesuatu perilaku terjadi. al-Qaradawi (2009: 128) turut menyenaraikan keperluan pendakwah mempunyai ilmu sains secara asas yang mana boleh mengukuhkan dan meyakinkan sasaran dakwah dengan fahaman dan ajaran Islam melalui bukti sains yang lebih jelas dilihat dengan mata kasar. Walaupun ilmu Islam, ilmu alat dan ilmu kemanusiaan telah dikuasai oleh pendakwah, al-Qaradawi (2009: 134) menyatakan bahawa tanpa ilmu kontemporari seperti ilmu tentang dunia Islam kini, kuasa dunia yang memusuhi Islam, agama lain di dunia, fahaman politik semasa, dan ideologi yang bertentangan dengan Islam, para pendakwah tidak akan berjaya. Hal ini kerana pendakwah tidak mengenali sasaran dakwahnya dengan baik untuk disesuaikan dengan mesej yang disampaikan.

Berdasarkan kajian-kajian tersebut, menjadi satu kewajipan kepada para pendakwah untuk mendalami ilmu Islam, agama lain, ilmu kemanusiaan, ilmu alat dan ilmu kontemporari, seterusnya menyampaikan dan menyesuaikan ilmu-ilmu tersebut mengikut sasaran dakwah yang dihadapi. Dalam masa yang sama, mereka yang mempunyai ilmu yang tinggi akan diberikan darjat yang tinggi di sisi Allah dan dipandang mulia oleh masyarakat seperti yang dinyatakan dalam ayat 11 surah al-Mujadilah.

### **Berkemahiran Dalam Pelbagai Bidang**

Setiap pendakwah perlu mempunyai kemahiran yang pelbagai untuk memantapkan lagi keupayaannya menyampaikan dakwah lebih-lebih lagi pada zaman yang serba moden ini (Mizan Adiliah et al. 2004). Tanpa adanya kemahiran dalam penyampaian dakwah, ketinggian ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh pendakwah tidak banyak berguna (Wan Ibrahim dan Zainab Ismail 2009: 1). Hal ini kerana ilmu tersebut tidak dapat disampaikan dengan baik dan kesannya, sasaran dakwah tidak mampu memahami mesej yang cuba disampaikan. Antara konstruk yang mengukur personaliti pendakwah

dari aspek kemahiran dalam kajian Mizan Adiliah et al. (2004) adalah kemahiran berbahasa, teknologi maklumat (ICT), komunikasi, psikologi, metodologi berdakwah dan memahami sasaran dakwah. Kepelbagaian kemahiran dan motivasi guru dalam P&P juga merupakan antara komponen asas dalam latihan guru Pendidikan Islam hasil kajian Ab Halim Tamuri et al. (2012) dan amalan pengajaran Pendidikan Islam kajian Sarimah Mokhtar et al. (2010). Kemahiran yang penting dan perlu dimiliki oleh pendakwah merangkumi kemahiran komunikasi, psikologi, kemahiran menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), penulisan dan kesenian.

Kemahiran komunikasi merupakan antara kemahiran yang sangat penting yang perlu dimiliki oleh para pendakwah. Kemahiran komunikasi memerlukan pendakwah mengenali latar belakang sasaran dakwahnya seterusnya menyampaikan dakwah kepada mereka berdasarkan konsep "*khatib al-nas 'ala qadr 'uqulihim*" iaitu bercakap dengan manusia menurut kadar akal mereka (Zulkefli Aini & S. Salahudin 2014). Ali bin Abi Talib pernah berkata: "Bercakaplah dengan manusia dengan apa yang mereka fahami, adakah kamu mahu mereka mendustai Allah dan rasulNya?" (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Ilm, Bab Man Khassa bil-'ilm Qawman Duna Qawm Karahiyah Alla Yafhamu). Baginda SAW juga menggunakan perkataan 'ya sahabah' iaitu istilah orang Jahiliyah yang diterima dalam Islam semasa mengumpulkan masyarakat Mekah untuk menyampaikan dakwahnya secara terang-terangan di Bukit Safa. Hal ini menunjukkan Nabi SAW mengikut adat dan budaya masyarakat tempatan selagi tidak bercanggah dengan Islam dan dalam masa yang sama perkataan tersebut difahami oleh sasaran dakwah baginda (al-'Ammar 2003: 116-117). Bahasa yang tepat berdasarkan tahap pemikiran serta mengambil kira elemen ruang lingkup pengalaman mad'u adalah antara kemahiran komunikasi yang berkesan antara pendakwah dan sasaran dakwahnya. Konsep ini termasuk dalam pendekatan berhikmah yang disebut dalam surah al-Nahl ayat 125 (Zulkefli Aini & S. Salahudin 2014). Zulkefli Aini et al. (2014) dalam tulisannya yang lain juga menekankan bahawa memahami aspek sosiologi dan antropologi atau dengan istilah lebih mudah iaitu budaya sasaran dakwah adalah salah satu proses komunikasi dakwah yang perlu difahami oleh pendakwah. Hal ini terbukti melalui kajiannya yang dijalankan di Sabah menunjukkan hubungan peribadi dan pendekatan berhikmah antara pendakwah dan sasaran dakwah adalah antara faktor tertinggi penerimaan agama Islam oleh saudara baru di sana. Pendakwah perlu bijak menyesuaikan topik, masa, pendekatan dan laras bahasa dengan budaya sasaran dakwahnya. Teknik komunikasi seperti informatif, persuasif dan dialog interaktif juga boleh digunakan untuk menjayakan dakwah antara

pelbagai bangsa dan budaya dalam kalangan masyarakat majmuk seperti di Malaysia.

Kajian Asmawati Suhid (2014) menunjukkan pelajar tertarik dengan pensyarah yang bertoleransi dan menerima pandangan para pelajar. Sikap toleransi ini berhubung kait dengan kemahiran seorang pensyarah atau pendidik memenangi hati pelajar melalui emosi mereka. Seorang pendakwah perlu mendalami kemahiran psikologi terutamanya untuk berdakwah kepada mad'u yang berada pada usia remaja dan warga tua.

Kajian Fariza Md Sham (2015) menunjukkan remaja mengalami perubahan emosi antara zaman kanak-kanak dan dewasa. Oleh itu, ibu bapa dan pendidik termasuk pendakwah seharusnya mengetahui dan mendalami ilmu psikologi supaya dapat menyampaikan nasihat dan ilmu yang mampu difahami dan diterima oleh remaja dengan terbuka. Seorang remaja mampu menyelesaikan masalah dan kebimbangan yang dihadapi melalui dimensi agama dan spiritual. Kepentingan ilmu keagamaan dan kerohanian dalam jiwa manusia khususnya remaja memberikan gambaran bahawa perlunya pendakwah sebagai salah satu saluran ilmu tersebut untuk mendekati mereka yang bermasalah. Penerimaan remaja terhadap pendakwah pula diperoleh melalui kemahiran psikologi pendakwah dalam menyampaikan isi kandungan dakwah terus ke hati mereka (Asmah Bee Md Nor 2004).

Menurut Zainab Ismail (t.th) pula, dalam konteks berdakwah kepada warga tua, para pendakwah perlu mempunyai kemahiran dalam menggunakan teknik strategi intervensi iaitu dengan cara membina hubungan terapatik, meneroka cara hidup warga tua, menggalakkan celik akal, membantu warga tua mengorientasikan dirinya, dan melakukan penamatan yang positif. Dengan cara tersebut, warga tua berasa didengari dan pendakwah dapat menyampaikan mesej dakwahnya dengan berhikmah. Menurut Muhammad Salman Palewai et al. (2014), pendekatan psikologi dalam dakwah telah lama diaplikasikan oleh para nabi dan rasul, antaranya Nabi Ibrahim. Baginda menggunakan gaya bahasa yang lembut dan halus serta tidak menyakitkan hati kaumnya dengan menghina sembahannya mereka. Nabi Ibrahim juga mengemukakan alasan dan membuka fikiran kaumnya daripada terus menyembah sesuatu yang tidak mendatangkan manfaat mahupun mudarat kepada mereka. Kajian oleh Abdul Ghafar Don et al. (2011) mengenai pendekatan dakwah rasul *ulu al-<sup>o</sup>azmi* juga menunjukkan para rasul *ulu al-<sup>o</sup>azmi* menggunakan psikologi dalam menarik sasaran dakwah iaitu dengan penuh beradab, lembut, kasih sayang serta meraikan kedudukan dan pangkat mereka yang diseru.

Kemahiran lain yang menjadi nilai tambah kepada seseorang pendakwah pada zaman moden ini adalah kemahiran mengaplikasikan

teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam menyampaikan dakwah. Earnie Elmie (2014: 5) menyatakan antara sebab kemunduran umat Islam pada masa kini adalah kegagalan para pendakwah menggunakan teknologi seperti facebook, twitter, instagram, blog dan sebagainya dalam penyampaian dakwah. Hal ini kerana dakwah tidak berjaya disampaikan dengan efisien terhadap sasaran dakwah khususnya remaja yang lebih gemar melayari media sosial mereka pada setiap hari. Ahmad Zahiruddin dan Faisal Abdul Hamid (2014) pula antara pengkaji yang membincangkan kaedah membina pengisian berunsur dakwah melalui penulisan dalam media baharu. Setiap Muslim terutamanya pendakwah harus bijak menggunakan peluang dan ruang yang luas dalam media baharu untuk memberikan pengisian daripada al-Qur'an dan sunnah yang mampu menarik masyarakat mendekati Islam. Antara penulisan yang mendapat tarikan ramai adalah penulisan santai dalam majalah. Menurut Nabilah Mohd Razif (2011), majalah lebih bersifat fleksibel dan berpenampilan menarik untuk dijadikan bahan bacaan berbanding surat khabar dan buku. Majalah memuatkan lebih banyak gambar, iklan dan pelbagai maklumat lain yang bersifat santai dan tidak berat. Melihat kepada tokoh pendakwah terdahulu seperti Ibnu Taimiyyah dan Ahmad Deedat, mereka juga telah memberi sumbangan besar dalam bidang penulisan dakwah terutamanya perbincangan mengenai agama Kristian. Ibnu Taimiyyah pernah menulis buku bertajuk *al-Jawab al-Sahih* liman Baddala Din al-Masih dan buku-buku lain yang dianggap polemik oleh sesetengah pihak seperti *Takhjil Ahl al-Injil* dan *Mukhtasar Takhjil Man Harrafa al-Injil*. Ahmad Deedat yang sangat terkenal dengan dialog agama juga telah menulis lebih daripada 24 buah buku, antaranya *Is The Bible Gods Word, Was Jesus Crucified, dan What The Bible Says About Muhammad* (Muhammad Hasbi Abdul Rahman 2011). Penulisan merupakan salah satu metodologi dan kemahiran yang harus diasah untuk menjadi pendakwah yang berjaya.

Selain kemahiran yang telah dinyatakan, aktiviti kesenian seperti tilawah al-Quran, nasyid, berzanji, deklamasi puisi, dikir barat, lakonan dan sebagainya adalah antara medium yang boleh digunakan oleh pendakwah. Kajian Ahmad Sahlan dan Rosmawati (2014) mendapati aktiviti kesenian mampu menerapkan nilai-nilai murni dan membentuk sahsiah serta jati diri dalam diri sasaran dakwah melalui mesej yang mengajak kepada kebaikan dan menjauhi kemungkaran. Seni dalam bentuk filem juga merupakan salah satu media komunikasi yang boleh digunakan untuk menyampaikan mesej dakwah. Ruang hiburan yang mampu menarik jutaan penonton ini harus diisi sebaiknya dengan mesej dakwah yang berhikmah dan berkesan (Nur Hazriani Razali & Rosmawati Mohamad Rasit 2014).

Pendakwah yang berjaya harus mampu membawakan pelbagai kaedah atau metodologi dalam menyampaikan dakwah. Al-Qur'an telah menggunakan kaedah yang berbeza untuk menyampaikan isi kandungannya kepada umat manusia, antaranya dengan kaedah ajakan (*targhib*), menakutkan dengan hukuman (*tarhib*), penceritaan, perumpamaan dan isu semasa (al-<sup>c</sup>Ammar 2003: 95). Hal ini akan mengelakkan rasa jemu dalam jiwa, sepertimana Nabi SAW tidak menyampaikan nasihat baginda sepanjang masa kepada para sahabat supaya tidak berasa bosan (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-<sup>c</sup>Ilm, Bab Ma Kana al-Nabi Yatakhawwalahum bil Mau<sup>c</sup>izah wal<sup>c</sup>Ilm Kay La Yanfiru). Pendakwah juga harus bijak mengambil peluang untuk menyampaikan dakwah dan tidak mensia-siakan keadaan apabila dakwah boleh disampaikan (al-<sup>c</sup>Ammar 2003: 108)

### **Berkepimpinan**

Mizan Adiliah et al. (2004) mengukur kepimpinan pendakwah melalui tiga konstruk iaitu konstruk memimpin diri, keluarga, dan masyarakat. Pensyarah yang ideal pada pandangan pelajar adalah seorang yang adil dan mempunyai sifat sebagai pemimpin. Pensyarah yang berkepimpinan boleh dilihat, sebagai contoh melalui kemampuannya mengawal sesi pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan baik (Asmawati Suhid 2014). Pendakwah perlu adil dalam menerima kesemua sasaran dakwah yang dihadapi dan berkemahiran dalam penyampaiannya. Khitatabah (2013) juga menyenaraikan adil dan berani antara sifat yang perlu ada pada seorang pendakwah. Rasulullah SAW merupakan contoh terbaik atau *uswah hasanah* dalam setiap perlakuan dan tutur katanya ke arah jalan yang lurus seperti yang tercatat dalam firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 21. Masyarakat pada zaman Rasulullah sangat terpegun dengan akhlak yang ditunjukkan oleh baginda sehingga menarik mereka untuk mendekatinya dan agamanya iaitu Islam. Baginda memulakan setiap yang disampaikan dengan dirinya sendiri (Ahmad Tirmizi & Ab. Halim Tamuri (2013). Pendakwah adalah seperti seorang pemimpin, yang mana perbuatannya menjadi contoh yang hidup di atas setiap kata yang diserukan (al-<sup>c</sup>Ammar 2003: 44-46).

Oleh itu, setiap pendakwah harus mempunyai trait personaliti berkepimpinan dalam dirinya, kerana melalui kepimpinan yang mantap dan berkaliber, masyarakat akan berasa yakin untuk mengikuti arahan atau mesej yang disampaikan oleh pendakwah. Tanpa trait tersebut, masyarakat sasaran dakwah tidak tertarik untuk mendengar mesej pendakwah dan tidak akan memberikan penghormatan yang sepatutnya kepada pendakwah.



### **Berpenampilan Menarik**

Seorang pendakwah mestilah mempunyai penampilan diri yang kemas, cantik, menarik dan bersih semasa menghadapi sasaran dakwahnya. Personaliti pendakwah dari sudut sifat fizikal boleh diukur berdasarkan penampilan, kecergasan dan kekemasan dirinya dalam menjalankan tugas dakwah (Mizan Adiliah et al. 2004). Kajian Shafiza Shafie dan Fadlan Mohd Othman (2015) telah meneliti penampilan pendakwah wanita di televisyen dan garis panduannya berdasarkan al-Qur'an. Kajian tersebut menekankan penampilan pendakwah wanita daripada tiga aspek utama iaitu pakaian, perhiasan dan solekan. Pakaian seorang pendakwah mestilah menutup aurat, tidak menyerupai pakaian orang kafir, tidak mempunyai lambang-lambang yang membawa kepada dosa dan syirik serta tidak keterlaluan. Pemuda yang bakal meneruskan perjuangan dakwah perlu didedahkan dengan kemahiran pengurusan diri antaranya penampilan yang bersih dan menjauhi penampilan ala Barat untuk mencapai kecemerlangan membawa harapan agama, bangsa dan negara (Mohd Ismail Mustari et al. t.th). Pendakwah Muslim yang cemerlang harus sentiasa menjaga penampilannya sesuai dengan tuntutan agama dan keadaan persekitarannya kerana ia memberi gambaran pertama kepada sasaran dakwah yang dihadapi.

### **KESIMPULAN**

Sebagai rumusan, kajian ini mendapati pendakwah Muslim yang berjaya harus mempunyai trait personaliti tertentu yang menggambarkan dirinya adalah seorang pendakwah. Melalui ciri-ciri konsisten yang diamalkan dalam kehidupan sehariannya iaitu dari aspek mempunyai akhlak dan peribadi yang mulia, berpengetahuan tinggi dalam bidang yang disampaikan dan cabang pengetahuan yang lain, berkemahiran dalam menyampaikan dakwah, mempunyai sifat kepimpinan serta berpenampilan menarik, pendakwah akan berjaya menjalankan tugasnya sebagai pendakwah dengan berkesan seterusnya menarik sasaran dakwah memahami dan mengamalkan mesej dakwah yang disampaikan. Implikasi kajian ini adalah kombinasi lima trait personaliti pendakwah yang dibincangkan dalam kajian ini harus dibina dalam diri setiap Muslim kerana dakwah adalah tanggungjawab mereka yang bergelar Muslim. Pendakwah yang tidak mempunyai trait personaliti pendakwah tidak dapat bertahan lama untuk menghadapi cabaran dalam

dunia dakwah hari ini. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa setiap organisasi dakwah mahupun individu yang terlibat dengan dakwah harus meneliti trait personaliti pendakwah dalam diri mereka dan mengukuhkannya melalui kursus dan latihan bagi meningkat kualiti diri seterusnya melancarkan gerak kerja dakwah di Malaysia.

## RUJUKAN

- al-Quran al-Karim.
- Ab Halim Tamuri, Muhamad Faiz Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Komponen Asas Untuk Latihan Guru Pendidikan Islam. *GJAT* 2 (2): 53-63.
- Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan & Razaleigh Muhamat @ Kawangit. 2011. Dakwah Kepada Non-Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulu Al-Azmi. *Islamiyyat* 33): 45-52.
- Ahmad Amri Zainal Adnan. 2009. *PSQ Rahsia Personaliti Unggul*. Kuala Lumpur: PTS Millennia.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2006. Cabaran dan Masalah Dakwah Masyarakat Orang Asli di Negeri Pahang. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Ahmad Sahlan Abdul Hatim & Rosmawati Mohamad Rasit. 2014. Hubungan Pelaksanaan Aktiviti Dakwah Melalui Keseniaan Terhadap Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam*, hlm. 10-18.
- Ahmad Tarmizi Abu Bakar & Ab. Halim Tamuri. 2013. Guru Pendidikan Islam (GPI) Sebagai Pendidik Dan Daie Sepanjang Zaman: Satu Analisis. *Prosiding Seminar Pertama Pendidikan dan Penyelidikan Islam [SePPIM'13]* hlm. 371-385.
- Ahmad Zahiruddin Mohd Zabidi & Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid. 2014. Membina Pengisian Berpengaruh Dalam Media Baharu Melalui Penulisan Dakwah. *Jurnal al-Hikmah* 6(2): 78-90.
- al-<sup>c</sup>Ammar, Muhammad Nasir Abd al-Rahman. 2003. *Sifat al-Da'iyah*. Riyadh: Arab Saudi.
- Asmah Bee Md Nor. 2004. Dimensi Agama dan Spiritual dalam Amalan Kaunseling. *International Seminar on Islamic Thoughts Proceedings*, hlm. 261-270.
- Asmawati Suhid, Mohd Rezduan Mat Jurit, Fathiyah Mohd. Fakhruddin, Abd. Muhsin Ahmad & Mohd. Aderi Che Noh. 2014. Personaliti

- Pendidik Yang Ideal: Apa Kata Pelajar Di Institut Pengajian Tinggi?  
*Journal of Al-Quran and Tarbiyyah* 1(1): 1-8.
- Basmeih, Sheikh Abdullah. 2001/1422H. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran (30 Juz). Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- al-Bayānūnī, Muhammad Abu al-Fath. 2010. *al-Madkhal ila 'Ilm al-Da'wah*. Ed. 4. Beirut: Dar al-Risalah al-'Alamiah.
- al-Bukhārī, Abu Abdillah Muhammad Ismail. 2010/1431H. *Sahih al-Bukhari*. Beirut: al-Maktabah al-Ashriyyah.
- Earnie Elmie Hilmi. 2014. Peranan Tekno Daie Dalam Berdakwah di Era Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT). Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014: Da'wah & Ethnicity: Multidisciplinary Perspective Anjuran Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM.
- Egdunas Raciuss. 2004. The Multiple Nature of the Islamic Da'wa. Tesis Faculty of Arts, University of Helsinki.
- Fariza Md Sham. 2015. Kemahiran Psikologi Dakwah Kepada Golongan Remaja. *Jurnal al-Hikmah* 7 (1): 95-101.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd. Jurairi Sharifudin. 2015. *Personaliti Dari Perspektif Al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ghalwush, Ahmad bin Ahmad. 1978/1399H. *Al-Dakwah Al-Islamiyah: Usuluha Wa Wasa'iluha*. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misri.
- al-Ghazali, A. H. M. 1999. *Ihya' Ulum Al-Din*. Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.
- Hamka. 2012. *Prinsip Dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Ibnu Kathir, Ismail bin Umar al-Qurashiyy al-Dimashqiyy. 2000. *Tafsir al-Qur'an al-Adhim*. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- Ibnu Majah, Abu 'Abdullah Muhammad Yazid al-Qazwini. t.th. *Sunan Ibn Majah*. Muhammad Nasir al-Din al-Albani. Riyad: Dar al Ma'arif lil Nashr wal Tauzi'.
- Kamarul Azmi Jasmi. 2012. Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial. Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim. Melaka, 28-29 Mac.
- Khairul Anwar Mastor. 2006. Personaliti Malu dan Psikologi Membuat Keputusan di Kalangan Pelajar Melayu. *Jurnal Pengajian Umum* 7: 67-79.
- Khitatabah, 'Adnan. 2013. *Akhlak Al-Da'iyah Fi Al-Islam Wa Tatbiqatuha Fi Al-Maydan Al-Da'awi*. Jordan: 'Alam al-Kutub al-Hadith.

- Mahfuz Suhaimi, Latifah Abdul Majid & Ahmad Asmadi Sakat. 2014. Syeikh Ali Ibn Abdul Rahman Al-Kelantani Dalam Bidang Hadith. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam*, hlm.157-162.
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa Dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Matthews, G., Deary, I. J. & Whiteman, M. C. 2009. *Personality Traits*. Ed. 3. Cambridge: Cambridge University Press.
- Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim, Ali Yakub Matondang & Asma Abdul Rahman. 2004. Pembentukan Pengukuran Personaliti Pendakwah. Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Mohamad Nazli Omar. 2013. Pengurusan Dakwah Di Negeri Maju: Kajian Tentang Cabaran Dan Masalahnya di Melaka. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Mohd. Dahlan A. Malek & Nurul Hudani Md. Nawi. 2015. *Personaliti Menurut Perspektif Islam Dan Barat*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Mohd Ismail Mustari, Ahmad Kilani Mohamed, Kamarul Azmi Jasmi & Robiah Ya'akob. t.th. Pembentukan Nilai Dan Kecemerlangan Bagai Melahirkan Generasi Muda Yang Mapan dalam Menghadapi Era Pasca Modenisme.  
<http://eprints.utm.my/20653/1/24.pdf>. [10 Oktober 2016]
- Mohd. Nasir Omar. 2016. *Falsafah Akhlak*. Ed. 2. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhamad Faiz Ismail, Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. 2012. Pemantapan Peranan Guru Dan Kaedah P&P Pendidikan Islam: Suatu Agenda Berterusan. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam (SEAPPI2012)*, hlm. 91-97.
- Muhammad Hasbi Abdul Rahman & Jaffary Awang. 2011. Dakwah Islam Terhadap Kristian: Kajian Perbandingan Metodologi Ibnu Taimiyyah Dan Ahmad Deedat. Prosiding International Conference and Exhibition on Research in Islamic and Arabic Language Education 2011. Anjuran The Islamic Academy Cambridge & Persatuan Intelektual Muslim Malaysia, 26-28 September.
- Muhammad Salman Palewai, Siti Rugayah Hj. Tibek & Fariza Md. Sham. 2014. Dakwah Melalui Al-Qiṣṣah: Kajian Novel A. Fuadi. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam*, hlm. 341-362.

- Nabilah Mohd Razif. 2011. Isu-Isu Dakwah Majalah Milenia Muslim Menjana Masyarakat Intelektual. *World Congress for Islamic History and Civilization: Human Development*, hlm. 165-184.
- Nur Hazriani Razali & Rosmawati Mohamad Rasit. 2014. Kajian Fenomenologi Filem Patuh Syariah Sebagai Medium Dakwah. *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam*, hlm. 481-491.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2009. *Thaqafat Al-Da'iyah*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Qur'an & Terjemahan Tajwid Pelangi. 2014. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman.
- Sarimah Mokhtar, Ab. Halim Tamuri, Mohd Aderi Che Noh, Nurul Huda Hassan, Mohamad Maliki Ali & Zahiah Harith. 2010. Amalan Pengajaran Pendidikan Islam: Aplikasi Teori Menurut Perspektif Al-Ghazali Dan Dunkin & Biddle. 1st International Conference on Islamic Education 2010 (ICIED2010). Anjuran Holiday Villa Hotel & Suites Subang, Malaysia, 29 September - 1 Disember.
- Shafiza Shafie & Fadlan Mohd Othman. 2015. Garis Panduan bagi Pendakwah Wanita di Televisyen dalam Aspek Penampilan berdasarkan al-Qur'an. *Islamiyyat* 37 (1): 58-67.
- Shahabuddin Hashim & Rohizani Yaakub. 2002. *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur Dan Barat*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Siti Sarawati Hj. Johar. 2013. Dimension of Neuroticism Personality among Leader and the Impact Towards Self-Esteem of Employee at the Workplace. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 91(2013): 588 - 593.
- Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan: Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publications.
- Suzanah Nilam. 2012. Gerakan Dakwah Di Kota Kinabalu: Kajian Terhadap Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (Usia). Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Syed Abdurahman Syed Hussin. 2010. Dakwah Kepada Orang Asli Di Malaysia: Permasalahan Dan Halangan. *Jurnal Usuluddin*: 155-183.
- Walker, Robert. J. 2008. Twelve Characteristics of an Effective Teacher. *Educational HORIZONS* 61-68.
- Wan Ibrahim Wan Ahmad & Zainab Ismail. 2009. Asas Pengetahuan Dan Kemahiran Kepada Pendakwah Profesional Dalam Pengurusan

- Warga Tua Multi Etnik. Seminar Antarabangsa Dakwah dan Multi Etnik Anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, 22-24 Disember.
- Zainab Ismail. t.th. Pendekatan Psikologi Individu dalam Dakwah dan Kaunseling Terhadap Warga Tua. 95-111.
- Zaidan, ‘Abdul Karim. 2000. *Usyul al-Dakwah*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Zaizul Ab. Rahman, Ahmad Sunawary Long, Jaffary Awang, Indriati Ismail & Ab. Aziz Mohd. Zain. t.th. Peranan Unsur Fitrah Dalam Personaliti Pendakwah Dalam Mencapai Jati Diri Pendakwah Sejati. t.tp.: t.pt.
- Zulkefli Aini & S. Salahudin Suyurno. 2014. Hubungan Antara Pendakwah Dengan Mad`U Dalam Komunikasi Insan. Persidangan Antarabangsa Kelestarian Insan. Anjuran Dewan Tunku Ismail Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Batu Pahat, 9-10 April.
- Zulkefli Aini, Abd Hakim Mohad, Rosmawati Mohamad Rasit, Muhammad Faisal Asha`Ari, Siti Rugayah Tibek, Muhammad Adib Samsudin, Salasiah Hanin Hamjah, Ahmad Irdha Mokhtar & S. Salahudin Suyurno. 2014. Komunikasi Dakwah Antara Budaya Dalam Masyarakat Majmuk Di Sabah. Seminar Serantau Dakwah dan Etnik Anjuran Universiti Malaysia Sabah, 20 November.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2014. *Tokoh Pendakwah Islam: Dr. Abdul Rahman Humaid al-Sumaith*. Nilai: Pustaka Cahaya Kasturi Sdn. Bhd.

Izzaty Ulya Munirah Abd Aziz  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 UKM Bangi,  
Selangor Darul Ehsan.  
izzaty\_ulya@yahoo.com